

Reka Bentuk dan Teknologi - Tingkatan Dua

Tajuk 2.0 Aplikasi Teknologi
2.6 Reka Bentuk Makanan

Standard Pembelajaran 2.6.1 Mentakrifkan reka bentuk makanan.

Jawab semua soalan dengan menggunakan HURUF BESAR.

1. Padankan takrif yang **betul** berdasarkan penerangan yang diberikan di bawah.

Penerangan	Takrif
Aktiviti merealisasikan idea kepada bentuk makanan yang melibatkan kreativiti dan inovasi	Makanan
Bahan yang boleh dimakan sama ada dalam bentuk pepejal atau cecair dan dihasilkan daripada haiwan atau tumbuhan	Reka bentuk makanan
Pengetahuan tentang penghasilan idea secara terancang untuk menghasilkan sesuatu produk	Reka bentuk

2. Tandakan (/) pada pernyataan yang **betul** tentang reka bentuk makanan.

Aktiviti merealisasikan idea kepada reka bentuk makanan tanpa melibatkan inovasi

☐

Dipengaruhi oleh permintaan, budaya, sosial, tempat dan cara hidup seseorang

☐

Makanan adalah bahan yang boleh dimakan dalam bentuk pepejal sahaja dan dihasilkan oleh haiwan dan tumbuhan

☐

3. Tandakan (/) pada takrif reka bentuk makanan yang **betul** dan (x) pada yang **salah** pada ruang yang disediakan.

Reka bentuk makanan adalah proses menghasilkan makanan menggunakan pelbagai alatan memasak yang canggih

☐


Reka bentuk makanan ialah cara menghasilkan makanan menggunakan pelbagai kaedah memasak

☐

Reka bentuk makanan adalah proses merealisasikan idea kepada bentuk makanan yang melibatkan inovasi dan kreativiti

☐

4. Lengkapkan peta buih di bawah tentang lima kumpulan penting nutrien makanan dengan menulis jawapan pada ruang yang disediakan.



5. Tandakan (/) pada jenis reka bentuk makanan yang **betul** dan (X) pada yang **salah** pada petak yang disediakan.

Reka bentuk susunan makanan dalam pinggan atau bekas

Reka bentuk pada jenis makanan yang tertentu

Reka bentuk pada makanan itu sendiri

6. Senaraikan tiga aspek yang diperlukan dalam menghasilkan reka bentuk makanan.

- a)
- b)
- c)

7. Berikut adalah beberapa jenis makanan.



A



B




C

Padankan bentuk baharu makanan di atas setelah dibuat inovasi melalui proses reka bentuk makanan dengan menulis A, B dan C pada petak yang disediakan.







SELAMAT MENJAWAB

Disediakan oleh:
Pn. Aniza Abdullah
Guru RBT,
SMK Dengkil, Sepang.